



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
**SETIAUSAHA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN KIT DAN PERANTI  
PEMERKASAAN PEMANTAUAN KEPADA PENYELIA  
PERBANDARAN

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**15 DISEMBER 2023 (JUMAAT)**  
**3.00 PETANG**

**AUDITORIUM**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam Majlis Penyerahan Kit dan Peranti Pemerksaan Pemantauan Kepada Penyelia Perbandaran di Auditorium Menara Bandaraya.
2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP yang saya kasihi di atas kehadiran tuan-tuan dan puan ke Majlis Penyerahan Kit dan Peranti Pemerksaan Pemantauan Kepada Penyelia Perbandaran.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan persekitaran kawasan pentadbiran MBSP berada dalam keadaan yang bersih dan sihat. Malah, MBSP mengamalkan *Management by Walking Around* (MBWA) untuk memastikan segala spesifikasi pembersihan adalah dipatuhi dan menepati kehendak yang ditetapkan.
4. Pemantauan dibuat dari semasa ke semasa di peringkat Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan, Pembantu Kesihatan Awam dan

Penyelia Perbandaran yang melibatkan lapan (8) depoh pembersihan di seluruh Seberang Perai.

5. Dalam usaha untuk memperkasakan MBWA serta meningkatkan kecekapan dan mempermudahkan kerja-kerja pemantauan, pihak pengurusan tertinggi MBSP telah bersetuju membekalkan kit dan peranti yang mengandungi beg, *torchlight*, tongkat, topi dan peranti bagi membantu penyelia-penyelia perbandaran dalam melaksanakan pemantauan yang efisen dan cekap. Pemberian kit dan peranti ini adalah bertepatan pada masanya memandangkan cabaran dan keperluan penyelia dalam memantau kerja-kerja pembersihan dalam menjadikan Seberang Perai sebuah bandar yang bersih dan indah.
  
6. Majlis Bandaraya Seberang Perai adalah pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan 738.41 kilometer persegi kawasan Seberang Perai yang merangkumi tiga daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Oleh yang demikian, pembersihan merupakan antara perkhidmatan tunjang yang diberikan oleh MBSP kepada warga Seberang Perai. Perkhidmatan pembersihan yang diberikan oleh MBSP adalah merangkumi tiga (3) perkhidmatan iaitu:-
  - i. Kerja-Kerja Pembersihan Am (KPA)
  
  - ii. Perkhidmatan Pungutan Sampah (PPS)

iii. Perkhidmatan Pelupusan Sisa Pepejal (PPSP)

7. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan urusan pemantauan kerja di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MBSP telah menghasilkan sistem pemantauan yang berkemampuan untuk memudahkan pemantauan dijalankan ke atas setiap perkhidmatan yang diberikan oleh MBSP dalam bidang pembersihan dan pengurusan kakitangan pembersihan. Sistem ini akan menjadi milik MBSP (Pengurusan Operasi Pembersihan) sepenuhnya dan sistem yang dibangunkan boleh berintegrasi dengan sistem yang sedang diguna oleh MBSP. Sistem yang dibangunkan ini mampu memantau, menyimpan dan mempamerkan maklumat seperti berikut :-

- i. Pengurusan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP,
- ii. Pengurusan syarikat kontraktor pembersihan,
- iii. Pengurusan penguatkuasaan,
- iv. Pengurusan data dan maklumat,
- v. Pengurusan kenderaan,
- vi. Pengurusan beratan sampah,
- vii. Pengurusan fasiliti sisa pepejal,

- viii. Pengurusan tuntutan elaun perjalanan,
  - ix. Pengurusan bahagian operasi, dan
  - x. Pengurusan aduan.
8. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah membangunkan sistem yang dinamakan Sistem i-Sweep yang bermaksud *Integrated Solid Waste and Public Cleansing Management System / Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam Bersepadu*.
9. Sistem ini digunakan oleh kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran seramai 222 orang meliputi Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Pembantu Kesihatan Awam Kanan, Pembantu Penguatkuasaan dan Mandor.
10. Adalah diharapkan penyerahan kit dan peranti ini kepada penyelia-penyelia perbandaran akan memudahkan pelaksanaan kerja-kerja pemantauan dan meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai di lapangan.
11. Sejajar dengan Visi Majlis Bandaraya Seberang Perai, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**”,

MBSP sentiasa giat berusaha untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***